

Prof. Ahmad Zainuddin terima anugerah 'Pemimpin Pendidikan Global'

KUALA LUMPUR 29 Nov. - Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Luar dan Antarabangsa Universiti UCSI telah diiktiraf sebagai Pemimpin Pendidikan Global ketika Kongres Pendidikan Dunia 2017 berlangsung di Mumbai, India 23 dan 24 November lalu.

Prof. Datuk Dr. Ahmad Zainuddin

(gambar)

berkata, beliau menerima trofi serta sijil penghargaan tersebut selepas juri menilai s u m b a - n g a n n y a dalam bi-



dang pendidikan tinggi yang dianggap terbaik dan ikonik.

"Juri mengiktiraf peranan saya sebagai seseorang yang boleh dijadikan rujukan serta arif dalam bidang berke-
naan.

"Anugerah profesional itu diwujudkan bertujuan memberi penghargaan kepada peranan peserta yang menjadi seorang yang terbaik dalam kalangan yang terbaik dalam dunia pendidikan," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Dalam pada itu beliau berkata, kongres ini memfokuskan perkembangan budaya pendidikan serta kajian berkaitan kaedah pembelajaran (pedagogi) secara bersistematik.

Menurutnya lagi, ia turut membangunkan visi serta strategi setiap institut pengajian tinggi selain turut memberikan pendedahan tentang alat bantu pembelajaran, teknologi dan cara penyelesaian masalah pendidikan masa kini.

"Kongres itu juga banyak meneroka bagaimana pendidikan boleh membantu perkembangan mental, emosi serta fizikal bagi meningkatkan kecemerlangan diri dari segi psikologi serta sosio ekonomi.